



## Metodologi Ibn Hajar dalam berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidī untuk memperincikan Kisah Sirah

*[Ibn Hajar's methodology in interacting with the narration of al-Wāqidī to detail the Story of Sirah]*

**Wan Muhd Usaid Wan Subki & Muhamad Rozaimi Ramle\***

Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

\* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Muhamad Rozaimi Bin Ramle. Department of Islamic Studies, Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. E-mail: [rozaimi@fsk.upsi.edu.my](mailto:rozaimi@fsk.upsi.edu.my). Telp.: +60134884863.

---

### Keywords:

*Methodology; Ibn Hajar; al-Wāqidī; Sirah; al-Maghāzī*

---

### ABSTRACT

*There are various tendencies of some modern scholars for the choice of al-Wāqidī's narration are absolute on the grounds that he is too weak of a narrator. However, this tendency is seen to be different from the position of past scholars who accepted the narration of al-Wāqidī, requiring the conditions they outlined. Among the old scholars who accepted his narration with certain conditions was Ibn Hajar al-'Asqalānī. He chose to quote al-Wāqidī extensively in his book *Fath al-Bārī*. Thus, this study aims to look at Ibn Hajar's methodology of compilation interacting with the narration of al-Wāqidī. Among the main purpose of Ibn Hajar's compilation of narrating al-Wāqidī from his book *al-Maghāzī* is to complete the details of the existing sirah. This is because al-Wāqidī was a person who was quite thorough and had additional knowledge in giving details about a matter. This study will analyze Ibn Hajar's methodology of compilation using the narration of al-Wāqidī to detail the story in the sirah. This study will use inductive method to analyze data through study and observation of specific facts to devise specific theories and principles. The results of the study found that Ibn Hajar used the narration of al-Wāqidī to complete the details of the story of sirah on four main aspects in terms of details for each period and time for something, the amount involved in certain aspects, the reason, the details of the name and also details about the place. Thus, it is clear that al-Wāqidī has many details about the story of the past sirah quoted by Ibn Hajar in his book *Fath al-Bārī*.*

---

### Kata Kunci:

Metodologi, Ibn Hajar, al-Wāqidī, Sirah, *al-Maghāzī*

---

### ABSTRAK

Terdapat kecenderungan sebahagian pengkaji-pengkaji moden untuk menolak riwayat al-Wāqidī secara mutlak dengan alasan beliau perawi yang terlalu lemah. Namun, kecenderungan ini dilihat berbeza dengan pendirian ulama silam yang menerima riwayat al-Wāqidī apabila memenuhi syarat yang mereka gariskan. Antara ulama silam yang menerima riwayat beliau dengan syarat ialah Ibn Hajar al-'Asqalānī. Beliau didapati banyak menukikan riwayat al-Wāqidī dalam kitabnya *Fath al-Bārī*. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat metodologi Ibn Hajar ketika berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidī. Antara tujuan utama Ibn Hajar ketika

---

membawakan riwayat al-Wāqidī dari kitabnya *al-Maghāzī* adalah bagi melengkapkan perincian kisah sirah sedia ada. Ini kerana al-Wāqidī merupakan seorang yang agak teliti dan mempunyai pengetahuan tambahan dalam memberikan perincian mengenai sesuatu peristiwa. Kajian ini akan menganalisis metodologi Ibn Hajar ketika menggunakan riwayat al-Wāqidī untuk memperincikan kisah sirah. Kajian ini akan menggunakan metodologi induktif iaitu menganalisis data melalui penelitian dan pemerhatian terhadap fakta-fakta yang khusus untuk mengagagaskan teori dan prinsip yang bersifat umum. Hasil kajian mendapati bahawa Ibn Hajar banyak menggunakan riwayat al-Wāqidī bagi melengkapkan perincian kisah sirah terutamanya pada empat aspek yang utama iaitu dari sudut perincian bagi tempoh dan waktu bagi sesuatu peristiwa, bilangan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa, sebab peristiwa itu berlaku, perincian mengenai nama dan juga perincian mengenai sesuatu tempat. Justeru, jelas bahawa al-Wāqidī mempunyai banyak perincian terhadap kisah sirah lalu dinukilkan oleh Ibn Hajar dalam kitabnya *Fatḥ al-Bārī*.

---

Received: April 30, 2021

Accepted: June 07, 2021

Online Published: June 30, 2021

## 1. Pendahuluan

Ulama hadis tidak menolak riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* secara mutlak. Mereka menerima riwayat ini dengan syarat yang mereka gariskan (al-‘Umarī, 1994). Bahkan ulama hadis menjadikan kesepakatan sarjana *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam sesebuah peristiwa sebagai neraca untuk menolak riwayat *hadis* yang menyanggahnya. Ini kerana ia menyanggahi ijmak (Ramle, 2017). Antara ahli *al-Maghāzī* yang terkemuka adalah al-Wāqidī. Ulama silam dan pengkaji moden berbeza pandangan dalam menukulkan riwayat beliau. Ada yang menolak dan menerima riwayat beliau. Riwayat beliau juga ada dinukilkan oleh ahli hadis dalam kitab-kitab mereka (al-Salūmī, 2004). Antaranya adalah seumpama Ibn Hajar dalam kitabnya *Fatḥ al-Bārī* (Ibn Hajar, 2000). Beliau banyak menukulkan perincian dan riwayat dari kalangan ahli sejarah bagi melengkapkan perincian terhadap aspek-aspek yang tertentu dalam sesebuah peristiwa atau kisah berkenaan dengan sirah. Antara yang banyak dinukilkan oleh Ibn Hajar adalah riwayat-riwayat daripada al-Wāqidī. Ini berikutan perincian terhadap sesuatu maklumat yang dimiliki oleh al-Wāqidī yang tiada pada ahli sejarah yang lain. Ibn Taymiyyah (1983) berkata:

“Tidak ada dua orang yang akan bertelagah bahawa al-Wāqidī adalah di antara orang yang paling mengetahui tentang perincian al-Maghāzī, dan paling mengetahui tentang perihalnya.”

Namun, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2002) sendiri berkata dalam kitabnya yang lain iaitu *Taqrīb al-Tahdhīb*: “Beliau (al-Wāqidī) *matrūk* (ditinggalkan riwayat-riwayat hadis beliau) walaupun beliau mempunyai ilmu yang sangat luas”. Bertitik tolak daripada permasalahan yang dinyatakan ini, penulis merasakan kajian ke atas riwayat-riwayat al-Wāqidī yang terdapat dalam kitab *Fatḥ al-Bārī* karya Imam Ibn Hajar ‘al-Asqalānī perlu dijalankan kerana seolah-olah ada percanggahan di antara kata-kata Ibn Hajar dalam *Taqrīb al-Tahdhīb* dan tindakan beliau menukulkan riwayat al-Wāqidī dalam kitab *Fatḥ al-Bārī*.

Kajian ini akan dimulakan dengan biografi dan kedudukan riwayat al-Wāqidī di sisi ulama sebelum menganalisis aspek dan metodologi Ibn Hajar dalam menggunakan riwayat al-Wāqidī bagi memperincikan kisah-kisah sirah tersebut.

## 2. Biografi al-Wāqidī

### 2.1. Nama dan Keturunan

Nama beliau adalah Muḥammad ibn ‘Umar ibn Wāqid. *Kunyah* beliau adalah Abu ‘Abd Allāh. Beliau merupakan *mawla* kepada Bani Sahn (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2002). Beliau masyhur dengan panggilan al-Wāqidī yang dinisbahkan kepada datuknya Wāqid. Wāqid merupakan *mawla* kepada ‘Abd Allāh ibn Buraydah al-Ḥaṣīb al-Aslamī (Ibn Sa’d, 1990). Menurut Ibn Sa’d (1990), beliau dilahirkan di Madinah pada tahun 130 H./747 M. pada akhir pemerintahan Marwān ibn Muḥammad.

### 2.2. Kembara Ilmu, Guru dan Murid al-Wāqidī

Al-Wāqidī membesar dalam suasana ilmu sejak kecil. Ibunya menyuruhnya bersama saudaranya Shamlah untuk pergi menuntut ilmu dengan Ibn Abī Dhi’b ketika beliau masih kecil (Ibn Sa’d: 1988) Al-Dhahabī (1985) berkata: “*Beliau menuntut ilmu pada tahun 140 lebih dan mendengar dari tābi’in dan generasi selepas mereka di Hijaz, Shām dan selainnya*”.

Al-Wāqidī mempunyai keistimewaan iaitu dapat mengingati sesuatu kejadian dengan terperinci semasa beliau masih kanak-kanak. Menurut Ibn Sa’d (1990), beliau dapat mengingati dengan terperinci kejadian tertangkapnya ‘Abd Allāh ib Ḥaṣan ib al-Ḥaṣan ib ‘Alī ibn Abū Ṭālib di tangan Khalifah Al-‘Abbāsī, iaitu Abū Ja’far al-Manṣūr. Al-Wāqidī merupakan seorang ilmuwan yang terkenal dalam bidang Sirah dan *al-Maghāzī* dan mengajar di masjid Madinah. Dalam masa yang sama beliau juga bekerja sebagai penjual gandum (Khaṭīb al-Baghdādī, 2002).

Al-Wāqidī berguru dengan ramai guru. Menurut Khaṭīb al-Baghdādī (2002), antara guru-guru al-Wāqidī ialah Sufyān al-Thawrī, Mālik ibn Anas, ‘Abd al-Malik ibn Jurayj, Muḥammad ibn ‘Ajlān, Usāmah ibn Zayd, Mu’āwiyah ibn Ṣālih, al-Walīd ibn Kathīr, Ma’mar ibn Rāshid dan Nājiḥ Abū Ma’shar al-Madanī. Al-Wāqidī mengajarkan al-Maghāzī dalam beberapa halaqah khusus di Masjid Nabawi. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (2002) juga menyebutkan bahawa al-Wāqidī dilihat mengajarkan *al-Maghāzī* dalam keadaan beliau bersandar di tiang Masjid Nabawi.

Al-Dhahabī (1985) menyebutkan bahawa antara murid-murid beliau adalah Abū Bakr al-Ṣaghānī, Abu Bakr ibn Abī Shaybah, Abū ‘Ubayd al-Qāsim ibn Salām, Aḥmad ibn Khalīl al-Burjalānī, Aḥmad ibn Manṣūr al-Ramādī, Sulaymān ibn Dāwūd al-Shādhakūnī, Muḥammad ibn Sa’d dan Muḥammad ibn n Yahyā al-Azdī. Muḥammad ibn Sa’d adalah antara murid kanan beliau. Sultān al-‘Akāyilah (2013) menjelaskan bahawa karya al-Wāqidī hampir sahaja pupus kalau bukan kerana Allah SWT mentakdirkan Muḥammad ibn Sa’d menjaga dan memelihara karya-karya al-Wāqidī.

### 2.3. Ketokohan Ilmu Al-Wāqidī

Al-Wāqidī hidup dan membesar di Madīnah al-Munawwarah yang terkenal dengan bumi yang kaya dengan ilmu pengetahuan. Di sinilah para sahabat menuntut ilmu dari Nabi SAW serta menyebarkannya ke seluruh pelusuk alam. Madinah berterusan menjadi kota ilmu dan ulama selepas zaman kenabian selama berpuluh-puluh tahun (al-Salūmī, 2004).

Al-Wāqidī dianggap antara tokoh ilmuwan yang terkemuka di Baghdād yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang ilmu pengetahuan Islam seperti fiqah, hadis, sejarah dan juga *al-siyar*. Beliau telah meninggalkan pelbagai karya yang menjadi saksi dan bukti kepada keilmuan beliau. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (2002) berkata tentang al-Wāqidī:

*“Beliau adalah seorang yang disebut-sebut namanya di timur dan di barat, perihal tentangnya tidak terhibab dari manusia, kitab-kitabnya tersebar luas dalam pelbagai bidang, dari aspek al-Maghāzī, al-Siyar, al-Ṭabaqāt dan juga riwayat tentang Nabi SAW serta peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman Baginda SAW serta selepas kewafatan baginda, serta kitab-kitab Fiqah dan percanggahan manusia dalam hadis dan selainnya.”*

Al-Wāqidī telah menulis banyak kitab dalam pelbagai bidang. Al-Khaṭīb (2002) ada meriwayatkan dari Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ya’qūb ibn Shaybah berkata: “*Aku mendengar ayahku berkata: Ketika al-Wāqidī berpindah dari sebelah barat ke sini, dikatakan beliau telah membawa kitab-kitab beliau di atas 120 wiqr.*”

Beliau juga meriwayatkan dari Abū Ḥudhāfah yang berkata: “*Al-Wāqidi mempunyai 600 qimṭār buku.*” Ibn Manzūr (1993) menyatakan bahawa *qimṭār* bermaksud apa yang melindungi dan meliputi kitab.

Al-Wāqidi juga pernah kehilangan buku-bukunya namun dipulangkan semula kepada beliau dek kerana kemasyhurannya di sisi orang ramai. Al-Wāqidi berkata: “*Lembaran-lembaran bukuku telah hilang lalu ia dipulangkan semula kerana ia masyhur di Madinah. Dikatakan: Ini adalah lembaran-lembaran Ibn Wāqid.*” (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2002).

Ibn al-Nadīm (1997) dan Yāqūt al-Ḥamawī (1993) telah menyebutkan kitab-kitab yang telah dihasilkan oleh al-Wāqidi seperti *al-Tārikh wa al-Maghāzī wa al-Mab’ath, Akhbār Makkah, Futūḥ al-Shām, Dhikr al-Qurān, Mawlid al-Ḥasan wa al-Ḥusayn, wa Maqal al-Ḥusayn ‘alaihi al-salām, al-Jamal, Amr al-Habsyah wa al-Fīl* dan lain-lain.

### 2.4 Kewafatan al-Wāqidi

Menurut pendapat yang paling kuat iaitu yang dinukilkan oleh muridnya Ibn Sa’d (1990), al-Wāqidi meninggal di Baghdad pada malam Selasa 11 Zulhijjah tahun 207 H. Beliau ditanam di perkuburan al-Khayzarān ketika beliau berumur 78 tahun. Namun apa yang disebutkan oleh Yāqūt al-Ḥamawī (1993) bahawa beliau meninggal ketika berumur 77 tahun lebih tepat, kerana al-Wāqidi lahir pada tahun 130 H.

### 3. Kedudukan al-Wāqidi di Sisi Ulama

Sebahagian besar tokoh ulama hadis mengambil berat dan memberikan pendapat mereka mengenai kedudukan riwayat al-Wāqidi. Ini menyebabkan pelbagai pendapat dari ahli ilmu pelbagai bidang yang memuji dan mengkritik al-Wāqidi (al-Salūmī, 2004). Sebahagian tokoh ulama hadis mengiktiraf ketokohan al-Wāqidi terutamanya dalam bidang sejarah. Berikut adalah beberapa pujian dan sanjungan terhadap al-Wāqidi:

‘Abd Allāh ibn al-Mubārak (m. 181 H.) berkata: “*Aku datang ke Madinah, tiada yang menunjukkan aku kepada guru-guru di sana melainkan al-Wāqidi.*” (Khaṭīb al-Baghdādī, 2002). ‘Abd al-‘Azīz ibn Muḥammad al-Darāwurdī (m. 187H) berkata: “*al-Wāqidi ialah Amir al-Mu’minīn dalam bidang hadis.*” (Al-Dhahabī, 1953). ‘Abd Allāh ibn Numayr al-Ḥamdānī (m. 199 H.) pula berkata: “*Adapun hadisnya (al-Wāqidi) di sini adalah lurus dan sama (diterima), manakala hadis ahl al-Madīnah, maka mereka lebih mengetahui mengenainya.*” (Al-Mizzī, 1980). Selain itu, Mujāhid ibn Mūsā berkata: “*Aku tidak mencatatkan hadis daripada seseorang yang lebih ḥāfiẓ (kuat hafalannya) daripadanya (al-Wāqidi).*” Manakala Abū Yahyā al-Zuhrī berkata: “*Thiqah dan amān (dipercayai).*”

Yazīd ibn Hārūn (m. 206H) berkata: “*Thiqah (dipercayai).*” (Khaṭīb al-Baghdādī, 2002). Kemudian Ma’n ibn ‘Īsā al-Qazzāz berkata: “*Aku mengambil hadis daripada al-Wāqidi dan al-Wāqidi mengambil hadis daripadaku.*” (Al-Dhahabī, 1953). Muḥammad ibn Ishāq ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān al-Musayyibī (m. 236 H.) berkata: “*Thiqah dan amān (dipercayai).*”

Abū ‘Ubayd al-Qaṣim ibn Salām (m. 224 H.) berkata: “*Thiqah (dipercayai).*” Muṣ’ab ibn ‘Abd Allāh ibn Mu’āb ibn Thābit al-Zubayrī (m. 236H) pula berkata: “*Thiqah dan amān (dipercayai).*” Selain itu, ‘Abbās ibn ‘Abd al-‘Azīm Abū al-Faḍl al-‘Anbarī al-Baṣrī (m. 246 H.) menyebutkan: “*Dia (al-Wāqidi) lebih disukai olehku berbanding ‘Abd al-Razzāq.*” (Khaṭīb al-Baghdādī, 2002).

Ya’qūb ibn Shaybah (m. 264H) pula didapati berkata: “*Beberapa orang daripada sahabat kita telah memberitahuku bahawa al-Wāqidi adalah seorang yang thiqah (dipercayai).*” Muḥammad ibn Ishāq al-‘Ānī (m. 270 H.): “*Demi Allah, sekiranya tidak kerana beliau thiqah (dipercayai) di sisiku, nescaya aku tidak akan meriwayatkan daripadanya.*” Manakala Ibrāhīm ibn Ibrāhīm al-Ḥarbī (m. 280H) pula berkata: “*al-Wāqidi adalah seseorang yang dipercayai oleh orang Islam.*” (Al-Mizzī, 1980).

Walaupun al-Wāqidi dianggap sebagai salah satu tonggak riwayat sejarah dan pakar dalam ilmu *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*, namun para *muḥaddithīn* melihat al-Wāqidi dari sisi yang berbeza sehingga mereka bersepakat dalam mengkritik al-Wāqidi sehingga menyebabkan seolah-olah menjadi satu kebiasaan menolak sesuatu riwayat hanya kerana terdapat padanya al-Wāqidi (Sultān al-‘Akāyilah, 2013). Menurut kajian penulis, ramai dari kalangan ulama *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* yang mengkritik beliau sehingga menyebabkan kewibawaan al-Wāqidi dalam bidang hadis dipertikaikan. Sebahagian mereka ada yang *mu’tadil* (pertengahan) dan ada yang *mutashaddid* (keras) dalam menilai kedudukan al-Wāqidi. Sebahagian mereka juga menjelaskan faktor al-Wāqidi dikritik. Antaranya, Abū Zur’ah (m. 164 H.) yang berkata: “*(Hadis-hadis beliau adalah) lemah.*” (Ibn Abī Ḥātim, 1952). Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Adī (m. 194H) berkata: “*Hadis-hadisnya tidak terjaga dan bala (masalah) datang daripadanya.*” (Al-Dhahabī, 1971). Abu ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Idrīs al-Shafī’ī (m. 204H): “*Buku-buku karya al-Wāqidi adalah dusta.*” (Ibn Abī Ḥātim, 1952).



‘Abd Allāh ibn ‘Alī al-Madīnī berkata: “*Aku mendengar ayahku berkata: Di sisi al-Wāqidi ada 20,000 hadis yang tidak pernah didengarinya.*” (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2002). ‘Alī ibn al-Madīnī (m. 231H) berkata: “*al-Wāqidi telah mereka-reka hadis.*” Kemudian, Abū Zakariyā Yahyā ibn Ma‘īn (m. 233H) berkata: “*Beliau tidak thiqah (dipercayai)*” dan dalam riwayat yang lain: “*Hadis beliau tidak dicatatkan (diriwayatkan).*” Manakala Ishāq ibn Rahawayh (m. 238H) pula berkata: “*Beliau di sisiku adalah daripada kalangan mereka yang mencipta hadis.*”

Imam Aḥmad Ibn Muḥammad ibn Ḥanbal (m. 241H) adalah antara yang banyak mengkaji kitab-kitab al-Wāqidi. Beliau juga menghantar Ḥanbal ibn n Ishāq kepada Muḥammad Ibn Sa’d penulis al-Wāqidi pada setiap Jumaat lalu beliau mengambil dua bahagian demi dua bahagian dari hadis-hadis al-Wāqidi lalu dilihat dan dikembalikan serta diambil pula bahagian yang lain. Beliau berkata: “*Beliau adalah seorang pendusta dan memutarbelitkan hadis-hadis.*” (Al-Dhahabī, 1953). al-Bukhārī (m. 256H) menegaskan: “*Ditinggalkan (hadis-hadis beliau tidak diambil).*” (Al-Bukhārī, 1982). Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmād Ibn Shu‘ayb Ibn ‘Alī Ibn Sinān ibn Baḥr al-Nasa‘ī (m. 303H): “*Beliau mereka-reka hadis.*” (Al-Dhahabī, 1953).

Abu Ḥatim al-Rāzī (m. 327H): “*Ditinggalkan (hadis-hadis beliau tidak diambil)*” dan dalam riwayat yang lain: “*Beliau memalsukan hadis.*” (Ibn Abī Ḥatim, 1952). Al-Darāqutnī (m. 385H) berkata: “*Hadis-hadisnya lemah*”. Al-Nawawī (m. 676H) pula berkata: “*Hadis-hadis al-Wāqidi telah disepakati bersifat lemah.*” (Al-Dhahabī, 1956).

Shams al-Dīn al-Dhahabī (m. 748H) berkata: “*Aku tidak mencatatkan riwayat hidupnya di sini kerana para ulama telah bersepakat meninggalkan hadisnya.*”. Di dalam riwayat yang lain: “*Ijma’ (kesepakatan) ulama telah menetapkan lemah bagi hadis-hadis al-Wāqidi.*”

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m. 852H) pula mengkritik al-Wāqidi dengan kritikan yang umum. Kata beliau: “*Beliau matruk (ditinggalkan riwayat-riwayat hadis beliau) walaupun beliau mempunyai ilmu yang sangat luas.*” (Ibn Ḥajar Al-‘Asqalānī, 2002).

Walaupun Ibn Ḥajar mengkritik al-Wāqidi dan menilainya sebagai *matruk* (Ibn Ḥajar, 2002), namun banyak riwayat al-Wāqidi yang dinukilkan oleh Ibn Ḥajar dalam kitab beliau *Fath al-Bārī* (Ibn Ḥajar, 2000). Sebahagian besar riwayat-riwayat ini dinukilkan bagi memperincikan lagi kisah sirah yang terdapat dalam hadis yang sahih. Justeru penulis memilih untuk menganalisis metodologi Ibn Ḥajar dalam memperincikan riwayat tersebut berbanding tokoh yang lain.

### 3.1 Kedudukan Riwayat al-Wāqidi

‘Abd al-‘Azīz al-Sulamī (2004) menyatakan bahawa al-Wāqidi sebagai *ḍa‘īf* dalam periwayatan hadis. Ini kerana tokoh-tokoh yang mengkritik beliau lebih ramai serta lebih sepakat dan berilmu. Al-‘Aṭrūz (2016) juga menyimpulkan bahawa hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Wāqidi *ḍa‘īf* walaupun beliau merupakan seorang yang luas ilmunya. Namun *ḍa‘īf* di sini bukan bermaksud al-Wāqidi telah melakukan pendustaan secara sengaja. Walaupun riwayat-riwayat al-Wāqidi dinilai sebagai *ḍa‘īf*, namun riwayatnya boleh dijadikan sebagai *mutāba‘ah* (sokongan). Ini seperti yang disebutkan oleh Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah: “*Apa yang disebutkan oleh beliau dan yang seumpama dengannya boleh dijadikan sokongan dan sandaran...*” (Ibn Taymiyyah, 1995).

Al-Zuhrī pula berkata: “*Riwayat beliau (al-Wāqidi) tidak mepesonakan aku kecuali jika untuk al-‘tibār (sokongan).*” (Ibn Abī Ḥatim, 1952). Riwayat al-Wāqidi juga boleh diterima jika ia tidak menyalahi riwayat yang sahih. Ibn Ḥajar (1995) berkata: “*Jika al-Wāqidi tidak menyalahi riwayat yang sahih serta ahli al-Maghāzī yang lain maka pendapatnya diterima di sisi kami.*” Justeru, jelas di sini bahawa kedudukan riwayat al-Wāqidi adalah diterima secara bersyarat iaitu dengan syarat ia hanya dijadikan sebagai sokongan dan tidak berkaitan dengan akidah serta hukum hakam.

## 4. Metodologi Ibn Ḥajar dalam Menolak dan Menerima Riwayat al-Wāqidi

Berdasarkan analisis penulis, Ibn Ḥajar akan menerima dan menolak riwayat al-Wāqidi berdasarkan beberapa perkara berikut:

### 4.1 Menolak Riwayat al-Wāqidi Jika Bercanggah Dengan Riwayat Yang Lebih Sahih

Antara metodologi Ibn Ḥajar dalam menukikan riwayat al-Wāqidi juga adalah beliau akan menolak riwayat al-Wāqidi jika ia bercanggah dengan mana-mana riwayat yang sahih dan tidak dapat diharmonikan. Ini dapat diperhatikan seperti contoh berikut:

i. Dalam kisah Nabi SAW keluar untuk peperangan *Fath Makkah*. Ibn Hajar (2000) menyatakan:

"وَأَمَّا مَا قَالَ الْوَأَقِدِيُّ إِنَّهُ خَرَجَ لِعَشْرِ خَلْوَنَ مِنْ رَمَضَانَ فَلَيْسَ بِقَوِيٍّ لِمُخَالَفَتِهِ مَا هُوَ أَصْحَبٌ مِنْهُ."

"Apa yang disebutkan oleh al-Wāqidī bahawa Nabi SAW keluar pada 10 Ramadhan adalah pendapat yang tidak kuat kerana ia bercanggah dengan riwayat yang lebih sahih daripadanya."

Jelas dalam teks di atas Ibn Hajar menyatakan bahawa pendapat al-Wāqidī (1989) ini bercanggah dengan riwayat yang lebih sahih darinya. Daripada pengamatan, penulis mendapati riwayat al-Wāqidī ini bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad (2001) dengan sanad yang sahih daripada Qaza'ah ibn Yahyā daripada Abū Sa'īd al-Khudrī. Imam Aḥmad (2001) berkata:

حَدَّثَنَا الْحَكَمُ بْنُ نَافِعٍ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ عَنْ عَطِيَّةَ بْنِ قَيْسٍ عَنْ قَزَعَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: "أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالرَّحِيلِ عَامَ الْفَتْحِ فِي لَيْلَتَيْنِ خَلَّتَا مِنْ رَمَضَانَ فَخَرَجْنَا صَوَامًا حَتَّى بَلَّغْنَا الْكُدَيْدَ، فَأَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْفِطْرِ، فَأَصْبَحَ النَّاسُ شَرِحِينَ مِنْهُمْ الصَّائِمُ وَالْمُفْطِرُ".

"Telah menceritakan kepada kami al-Hakam ibn Nāfi' berkata; telah menceritakan kepada kami Sa'īd ibn 'Abd al-'Azīz berkata; telah menceritakan kepadaku 'Aṭīyah ibn Qays dari Qaza'ah dari Abū Sa'īd al-Khudrī ia berkata; Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami pada tahun pembukaan (Kota Mekah) untuk berangkat pada dua malam terakhir di bulan Ramadhan. Kami keluar dalam keadaan berpuasa, kami berpuasa hingga kami merasa sangat dahaga, maka Rasulullah SAW memerintahkan kami untuk berbuka, sehingga orang ramai pun bergembira, ada antara mereka yang tetap berpuasa dan ada yang berbuka."

ii. Waktu kedatangan orang-orang dari 'Uraynah dan juga 'Ukl ke Madinah.

Daripada Anas RA: "Datang sekumpulan manusia dari 'Ukl atau 'Uraynah...". (Al-Bukhārī, 2001).

Hadis di atas tidak menyatakan perincian tarikh bilakah peristiwa ini berlaku. Jika dilihat pada pandangan ulama *al-Maghāzī*, mereka berbeza pandangan dalam menentukan bilakah tarikh peristiwa ini berlaku. Mereka terbahagi kepada 3 pendapat:

- Peristiwa ini berlaku pada bulan Syawal. Ini adalah pandangan al-Wāqidī dan diikuti oleh Ibn Sa'd dan Ibn Hībbān (Ibn Hajar, 2000).
- Peristiwa ini berlaku pada bulan Jamadil Akhir. Ini adalah pendapat Ibn Ishāq (al-Ṣan'ānī, 2012).
- Peristiwa ini berlaku pada bulan Zulkaedah selepas daripada peristiwa al-Ḥudaybiyyah. Ini adalah pandangan Imam al-Bukhārī (Ibn Hajar, 2000).

Di sini Ibn Hajar (2000) menukilkan riwayat al-Wāqidī (Ibn Sa'd, 1990) yang menyatakan bahawa mereka datang pada bulan Syawal tahun keenam hijrah. Ibn Hajar berkata: "*Al-Wāqidī menyatakan bahawa ia berlaku pada bulan Syawal dari bulan tersebut (tahun keenam hijrah).*" Beliau juga membawakan pandangan Ibn Ishāq dan al-Bukhārī. Namun beliau tidak memilih mana-mana pandangan. Berkemungkinan kerana riwayat al-Wāqidī menyanggahi riwayat ulama lain. Manakala riwayat Ibn Ishāq dan al-Bukhārī juga saling bercanggahan dan tidak disandarkan pada dalil yang sahih.

iii. Tarikh kewafatan Ibrāhīm AS.

Daripada Anas ibn Mālik RA berkata: “*Kami masuk bersama Rasūl Allāh SAW kepada Abū Yūsuf al-Qayn iaitu pengasuh kepada Ibrāhīm AS, lalu Rasūl Allāh SAW mencium Ibrāhīm AS...*”.

Di sini Ibn Hajar (2000) menukulkan tarikh kewafatan anak baginda bernama Ibrāhīm AS dari al-Wāqidī. (Ibn Sa’d, 1990). Beliau menjelaskan: “*Al-Wāqidī menegaskan bahawa Ibrāhīm AS meninggal pada hari Selasa bersamaan 13 Rabi’ al-Awwal tahun kesepuluh hijrah...*”.

Ibn Hajar (2000) juga menukulkan pandangan Ibn Ḥazm yang mengatakan bahawa kewafatan Ibrāhīm berlaku pada 3 bulan sebelum kewafatan baginda. Ibn Hajar tidak memilih mana-mana pandangan setelah menukulkan kedua-dua pandangan ini. Al-‘Aynī (t.th.) berpandangan bahawa kewafatan Ibrāhīm pada tahun ke 10 hijrah merupakan pandangan majoriti ulama. Namun mereka berbeza pandangan dalam menentukan bulan pada tahun tersebut. Al-Wāqidī mengatakan ia berlaku pada bulan Rabi’ al-Awwal. Ada juga pandangan yang mengatakan ia berlaku pada bulan Ramaḍān dan ada yang mengatakan ia berlaku pada bulan Zulhijjah (al-‘Aynī, t.th.).

Jika diperhatikan, ulama silam tidak mempunyai jawapan konklusif mengenai perkara ini. Kesemua pandangan ini pada mereka tidak bersandarkan kepada riwayat yang sahih. Apa yang menarik ialah kajian falak kontemporari menunjukkan bahawa sememangnya peristiwa kewafatan Ibrāhīm meninggal dunia pada tahun ke 10 hijrah. (Ḥusām al-Dīn, 1984)

iv. *Kunyah* sebenar Ummu Ḥabībah

Daripada ‘Āishah isteri Nabi SAW bahawa: “*Ummu Ḥabībah didatangi darah istihādah selama tujuh tahun..*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) menukulkan nama sebenar Ummu Ḥabībah daripada al-Wāqidī (Ibn Sa’d, 1990). Beliau berkata: “*Dikatakan namanya adalah Ḥabībah dan kunyah beliau adalah Ummu Ḥabīb iaitu tanpa huruf ḥā, ia disebutkan oleh al-Wāqidī...*”. Ibn Hajar (2000) juga menukulkan *kunyah* sebenar beliau yang terdapat di dalam riwayat yang sahih iaitu Umm Ḥabībah. Ini menyanggahi pandangan al-Wāqidī yang mengatakan *kunyah* sebenarnya ialah Umm Ḥabīb. Pandangan al-Wāqidī ini dipilih oleh al-Ḥarbī dan al-Dāraquṭnī. (Ibn Rajab, 1996). Al-Dāraquṭnī (1985) memilih pandangan ini kerana al-Ḥarbī mempunyai kepakaran dalam menentukan nama ini.

Penulis mendapati Ibn Hajar tidak memilih mana-mana pandangan dalam isu ini. Beliau hanya menyebutkan khilaf dalam isu ini tanpa pentarjihan. Daripada analisis penulis, pendirian Ibn Hajar ini dilakukan kerana khilaf dalam isu ini kuat. Riwayat yang sahih menyanggahi pandangan pakar semisal Ibrahim al-Ḥarbī dan al-Dāraquṭnī. Namun penulis merasakan bahawa pandangan al-Wāqidī lebih tepat kerana riwayat hadis yang memperincikan *kunyah* Umm Ḥabībah ini juga bercanggah-canggah. Riwayat al-Bukhārī menyebutkan namanya Umm Ḥabībah. Manakala riwayat Aḥmad (t.th) dalam *al-Musnad* dan Abū Nu’aym (1974) dalam *al-Hilyah* menyebutkan *kunyahnya* adalah Umm Ḥabīb.

#### 4.2 Menerima Riwayat Al-Wāqidī Sebagai Sokongan Jika Ia Bukan Berkaitan Dengan Hukum Atau Akidah

Menurut pemerhatian penulis, Ibn Hajar juga didapati menjadikan riwayat al-Wāqidī sebagai sokongan jika ia bukan berkaitan dengan hukum mahupun akidah. Contohnya Ibn Sa’d (1990) meriwayatkan bahawa Abū Aḥmad iaitu saudara kepada Zaynab binti Jaḥsh menghadiri jenazah Zaynab bersama ‘Umar. Ibn Hajar (2000) menyebutkan bahawa dalam riwayat ini terdapat al-Wāqidī namun riwayatnya boleh dijadikan sokongan dalam tempat seperti ini. Ibn Hajar berkata:

.. "وإن كان في إسنادهما الواقدي لكن يستشهد به في مثل هذا" ..

“*Walaupun pada kedua-dua sanad ini terdapat padanya al-Wāqidī, namun ia boleh dijadikan sokongan pada perkara-perkara seperti ini.*”



Pada pendapat penulis, tempat yang boleh dijadikan sokongan yang dimaksudkan oleh Ibn Hajar ialah jika ia tidak berkaitan dengan hukum dan juga akidah.

## 5. Metodologi Ibn Hajar Menggunakan Riwayat al-Wāqidī untuk Memperincikan Kisah Sirah

Dalam kitab *Fath al-Bārī*, Ibn Hajar ada menukilkan riwayat-riwayat al-Wāqidī. Ibn Hajar mempunyai pelbagai tujuan dan matlamat ketika menukilkan riwayat al-Wāqidī ini. Setelah dianalisis teks Ibn Hajar dalam *Fath al-Bārī*, didapati antara tujuan dan matlamat tersebut adalah bagi memperincikan kisah-kisah sirah yang disebutkan oleh Ibn Hajar.

Jika diamati dalam kitab *Fath al-Bārī*, akan didapati bahawa Ibn Hajar banyak menukilkan riwayat ahli *al-Maghāzī* khususnya al-Wāqidī dalam melengkapkan perincian yang terdapat dalam kisah dan riwayat dalam *Sahīh al-Bukhārī*. Seperti yang sedia maklum, riwayat sahih berkenaan *al-Maghāzī* dan juga *al-Siyar* majoritinya banyak dinukilkan dalam kitab-kitab hadis. Namun pengarang kitab-kitab hadis ini tidak memberikan gambaran menyeluruh dari segenap sudut tentang sesuatu peristiwa berikutan tujuan dan fokus mereka yang berbeza iaitu mengeluarkan hukum hakam daripadanya.

Sepanjang pemerhatian penulis, Ibn Hajar didapati menukilkan riwayat al-Wāqidī dalam melengkapkan perincian kisah. Setelah dianalisis, perincian Ibn Hajar merangkumi beberapa aspek. Penulis akan menyenaraikan aspek perincian yang dinukilkan oleh Ibn Hajar. Kemudian dalam setiap aspek tersebut penulis akan membawakan beberapa contoh riwayat al-Wāqidī yang dinukilkan oleh Ibn Hajar. Penulis turut menyertakan bersama hadis asal di dalam *Fath al-Bārī* bagi supaya perincian yang dimaksudkan lebih jelas. Seterusnya, penulis akan mengemukakan beberapa metodologi Ibn Hajar dalam menerima dan menolak riwayat al-Wāqidī.

### 5.1 Perincian Bilangan

Antara tujuan utama Ibn Hajar membawakan riwayat al-Wāqidī ialah untuk memperincikan bilangan yang tidak terdapat dalam riwayat hadis lain (Ibn Hajar, 2000). Beberapa pendapat dan riwayat al-Wāqidī dinukilkan oleh Ibn Hajar dalam memberikan perincian tentang bilangan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa. Berikut adalah beberapa contoh riwayat al-Wāqidī yang dinukilkan oleh Ibn Hajar bagi melengkapkan perincian kisah tersebut:

#### 5.1.1 Bilangan orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa

##### i. Bilangan pasukan *Sariyyah* Usāmah ibn Zayd.

Daripada ‘Abd Allāh ibn ‘Umar RA: “*Rasulullah SAW mengutuskan satu pasukan dan memerintahkan Usāmah ibn Zayd menjadi ketua pasukan sariyyah tersebut.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Di dalam hadis ini tidak terdapat perincian tentang bilangan tentera yang terlibat dalam pasukan *sariyyah* Usāmah ibn Zayd. Akram Diyā’ al-‘Umarī mengatakan bahawa al-Wāqidī bersendirian dalam memperincikan bilangan ini. (Akram Diyā’ al-‘Umarī, 1994) Ibn Hajar (2000) menukilkan perincian bilangan tersebut dari al-Wāqidī (1989) dan berkata: “*Di sisi al-Wāqidī, bilangan tentera adalah seramai 3000 orang.*” Nukilan Ibn Hajar ini menunjukkan bahawa beliau menerima riwayat al-Wāqidī dalam memperincikan riwayat al-Bukhārī. Analisis mendapati faktor penerimaan riwayat al-Wāqidī adalah disebabkan kerana ia hanya memperincikan bilangan dan tidak terkait dengan akidah dan hukum. Riwayat al-Wāqidī ini juga diterima oleh al-Qasṭallānī (1905).

##### ii. Bilangan penduduk Banī Aslam ketika peperangan Hūdaybiyyah.

Daripada ‘Abd Allāh ibn Abī Aufā RA: “*Bilangan ashāb al-Shajarah (sahabat yang melakukan perjanjian di bawah pokok iaitu Bay’ah al-Riḍwān) adalah seramai 1300 orang. Bilangan penduduk Aslam pula adalah seramai 100 orang.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) berkata: “*Aku tidak mengetahui bilangan orang Muhajirin yang terlibat dalam peristiwa tersebut supaya aku dapat mengira bilangan penduduk Banī Aslam, kecuali apa yang disebutkan oleh al-Wāqidī bahawa bilangan penduduk Banī Aslam yang terlibat dalam peperangan Hūdaybiyyah adalah seramai 100 orang, maka dapat diketahui bahawa bilangan orang Muhajirin adalah seramai 800 orang.*”

Jelas di sini bahawa Ibn Hajar menukilkan riwayat al-Wāqidī (1989) bagi mendapatkan bilangan penduduk Banī Aslam yang terlibat dalam peperangan Hūdaybiyyah. Riwayat al-Wāqidī ini diterima oleh Ibn

Ḥajar kerana ia tidak menyanggahi riwayat al-Bukhārī sebaliknya hanya memperincikan bilangan sahaja. Ibn Ḥajar tidak bersendirian dalam menerima riwayat al-Wāqidī ini kerana Al-'Aynī (t.th.), al-Qaṣṣallānī (1905) dan al-Ṣālihī al-Shāmī (1993) juga menerima riwayat ini. Ini menunjukkan bahawa perincian al-Wāqidī ini diterima oleh ulama selain daripada Ibn Ḥajar.

iii. Bilangan orang yang tetap teguh berjuang bersama Nabi SAW ketika perang Uḥud.

Daripada Mu'tamir daripada ayahnya: *"Abū 'Uthmān telah menyatakan bahawa tidak ada yang tetap teguh bersama Nabi SAW pada sebahagian hari yang mereka diserang kecuali Ṭalḥah dan juga Sa'd."* (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Ḥajar (2000) menukilkan perincian daripada Al-Wāqidī (1989) bahawa bilangan orang yang teguh berjuang bersama Nabi SAW ketika perang Uḥud dari kalangan Muhājirīn adalah seramai 7 orang. Mereka adalah Abū Bakr, 'Alī, 'Abd al-Raḥmān ibn 'Awf, Sa'd, Ṭalḥah, al-Zubayr dan Abū 'Ubaydah. Manakala dari golongan al-Anṣār adalah Abū Dujānah, al-Ḥabāb ibn al-Mundhir, 'Āṣim ibn Thābit, al-Ḥarith ibn al-Sammah, Sahl ibn Ḥanīf, Sa'd ibn Mu'āz serta Usayd ibn Ḥudayr. Dikatakan juga bahawa Sa'd ibn 'Ubādah dan Muḥammad ibn Maslamah sebagai ganti kepada dua yang terakhir. (Ibn Ḥajar guna riwayat al-Wāqidī untuk mengharmonikan riwayat-riwayat yang bercanggah. Riwayat Abu 'Uthmān itu menurut Ibn Ḥajar ialah pada sebahagian keadaan sebelum kedatangan sahabat lain untuk mempertahankan Nabi saw). Sa'īd Ḥawwa (1993) juga menerima riwayat al-Wāqidī ini.

iv. Bilangan sahabat yang menyertai haji bersama Abū Bakr.

Daripada Abū Hurayrah: *"Abū Bakr RA diutuskan oleh Nabi SAW untuk memimpin suatu kaum dalam mengerjakan haji."* (Al-Bukhārī, 2001).

Riwayat al-Bukhārī tidak memperincikan bilangan sahabat yang bersama Abū Bakr dalam rombongan haji ini. Akram Diyā' al-'Umarī (1994) menyatakan bahawa al-Wāqidī bersendirian dalam meriwayatkan bilangan sahabat dalam peristiwa ini. Ibn Ḥajar (2000) menerima riwayat al-Wāqidī ini dengan menukilkan perincian bilangan sahabat yang menyertai haji bersama Abū Bakr dari al-Wāqidī (1989) dan berkata: *"Al-Wāqidī menyebutkan bahawa bilangan sahabat yang keluar bersama Abū Bakr adalah seramai 300 orang dari kalangan sahabat."* Selain Ibn Ḥajar, Ibn Kathīr (1997) dan al-'Aynī (t.th) juga menerima riwayat al-Wāqidī ini.

v. Bilangan orang Muḥājirīn dan Anṣār yang dipersaudarakan.

Daripada Anas RA: *"'Abd al-Raḥmān ibn 'Awf datang lalu Nabi SAW mempersaudarakan antara beliau dan Sa'd ibn Rabī' al-Anṣārī..."* (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Ḥajar (2000) berkata ketika membawakan riwayat al-Wāqidī (Ibn Sa'd, 1990): *"Ibn Sa'd menyebutkan dengan sanad al-Wāqidī dari sebahagian tabi'īn bahawa mereka berkata: Ketika Nabi SAW datang ke Madinah, baginda mempersaudarakan sesama kaum Muhājirīn dan mempersaudarakan kaum Muhājirīn dan Anṣār secara sama rata. Mereka juga saling mewarisi dan bilangan mereka adalah seramai 90 orang. Sebahagian mereka adalah dari Muhājirīn dan sebahagian yang lain adalah dari Muhājirīn. Dikatakan juga bilangan mereka adalah seramai 100 orang."*

### 5.1.2 Jumlah binatang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa

Antara aspek lain adalah Ibn Ḥajar turut menukilkan riwayat al-Wāqidī bagi mendapatkan perincian mengenai jumlah dan bilangan binatang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa (Ibn Ḥajar, 2000). Antara contoh bagi isu ini ialah bilangan keldai yang disembelih ketika perang Khaybar.

Imam al-Bukhārī meriwayatkan daripada jalur 'Abbād daripada al-Shaybānī berkata: *"Aku mendengar Ibn Abī Awfā RA berkata: Kami ditimpa kelaparan ketika peperangan Khaybar, periuk-periuk pada ketika itu sedang menggelegak. Dia berkata: Sebahagiannya telah masak. Lalu datanglah penyeru Nabi SAW dan berkata: "Janganlah kamu memakan dari daging keldai tu sedikit pun."* (Al-Bukhārī, 2001).

Riwayat al-Bukhārī ini tidak memperincikan bilangan keldai yang disembelih ketika peristiwa ini. Ibn Ḥajar ketika menukilkan pendapat Al-Wāqidī (1989) tentang jumlah keldai yang telah disembelih ketika kaum Muslimin berada dalam keadaan yang lapar ketika perang Khaybar. Ibn Ḥajar (2000) berkata: *"Al-Wāqidī telah menyatakan bahawa jumlah keldai yang telah disembelih oleh mereka adalah sebanyak 20 atau 30. Al-Wāqidī meriwayatkannya dengan ragu-ragu akan jumlahnya."* Kisah ini berlaku ketika pengharaman daging keldai.

## 5.2 Perincian Tempoh dan Waktu

Adakalanya hadis sahih tidak memperincikan tempoh dan waktu bagi sesuatu peristiwa. Maka seseorang pengkaji memerlukan riwayat-riwayat ahli *al-Maghāzī* untuk memperincikan sesuatu peristiwa. Ibn Hajar juga termasuk salah seorang tokoh yang menggunakan metodologi ini dengan mengambil pendapat al-Wāqidī untuk memperincikan maklumat berkenaan tempoh dan waktu sesuatu peristiwa itu berlaku (Ibn Hajar, 2000). Ibn Kathīr (1997) berkata: “*Perincian tarikh di sisi al-Wāqidī biasanya sangat terperinci, beliau adalah antara tokoh besar dalam bidang ini...*”.

Berikut adalah beberapa contoh pendapat al-Wāqidī yang dinukilkan oleh Ibn Hajar. Ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori.

### 5.2.1 Tempoh sesuatu peristiwa itu berlaku

Contohnya, tempoh Nabi SAW hidup selepas diracun. Daripada ‘Urwah RA berkata: ‘Aishah RA berkata: “*Nabi SAW bersabda ketika baginda terlantar sakit yang telah menyebabkan baginda wafat: “Wahai Aishah, aku masih merasakan kesakitan dari racun makanan yang telah aku makan di Khaybar...”*”. (Al-Bukhārī, 2001).

Riwayat al-Bukhārī ini tidak memperincikan tempoh masa antara peristiwa Nabi saw diracun dan tarikh kewafatan baginda. Di sini Ibn Hajar menukilkan riwayat al-Wāqidī (Ibn Sa’d, 1990) tentang tempoh Nabi SAW hidup selepas diracun. Ibn Hajar (2000) berkata: “*Ibn Sa’d meriwayatkan dari gurunya al-Wāqidī dengan pelbagai sanad tentang kisah daging biri-biri yang diracuni di Khaybar dan berkata pada hujungnya: Baginda SAW hidup 3 tahun selepas itu sehinggalah kesakitan yang menyebabkan kewafatannya menimpa baginda SAW.*”

Penulis mendapati bahawa al-Wāqidī tidak bersendirian meriwayatkan tempoh ini. Penulis mendapati al-Bayhaqī (1988) menukilkan riwayat dari Ibn Shihāb al-Zuhrī daripada Jābir yang menyatakan tempoh yang sama.. Tetapi riwayat ini juga ḍa’if kerana sanadnya terputus. Ini kerana menurut Ibn Abī Hātim (1977) dan Ibn al-‘Irāqī (t.th), al-Zuhrī tidak mendengar hadis daripada Jābir. Namun kedua-dua riwayat ini boleh dijadikan sokongan bagi riwayat sahih.

### 5.2.2 Waktu dan tarikh peristiwa itu berlaku

i. Waktu berlakunya peristiwa Nabi SAW bersujud ketika surah al-Najm diturunkan.

Daripada ‘Abd Allāh ibn Mas’ūd RA berkata: “*Nabi SAW membaca (surah) al-Najm lalu baginda bersujud, lalu semua orang bersujud bersama Nabi SAW...*”. (Al-Bukhārī, 2001).

Hadis di atas menceritakan peristiwa itu berlaku tanpa perincian waktu. Ibn Hajar (2000) menukilkan tarikh berlakunya peristiwa ini daripada al-Wāqidī (Ibn Sa’d, 1990). Beliau berkata: “*Al-Wāqidī mendakwa bahawa ia berlaku pada tahun kelima selepas Nabi SAW diutuskan.*” Al-Qaṣṭallānī (1905) juga menerima riwayat al-Wāqidī dalam memperincikan kisah ini.

ii. Waktu Nabi SAW disihir oleh Labīd ibn al-A’sam.

Daripada ‘Ā’ishah RA berkata: “*Rasulullah SAW telah dishir oleh seorang lelaki dari Banī Zurayq yang dipanggil Labīd ibn al-A’sam...*”. (Al-Bukhārī, 2001).

Kisah baginda disihir adalah kisah yang masyhur. Tetapi hadis di atas tidak memperincikan bilakah ia berlaku. Ibn Hajar (2000) memperincikan tarikh berlakunya peristiwa ini dengan menukilkan riwayat al-Wāqidī (Ibn Sa’d, 1990). Beliau berkata:

“*Al-Wāqidī telah menjelaskan tahun berlakunya peristiwa sihir tersebut. Ia diriwayatkan daripada Ibn Sa’d dengan sanad yang bersambung kepada ‘Umar ibn al-Hakam secara mural: Ketika Rasūl Allāh SAW pulang daripada al-Hudaybiyyah pada bulan Zulhijjah tahun ketujuh, datang pembesar-pembesar Yahudi kepada Labīd ibn al-A’sam yang bersumpah setia kepada Banī Zurayq dan merupakan seorang ahli sihir. Mereka berkata kepadanya: Wahai Abū al-A’sam, engkau telah menyihir kami, kami juga telah menyihir Muḥammad namun ia tidak berkesan. Kami ingin mengupahmu dengan satu upah supaya kamu menyihirnya untuk kami dengan sihir yang memberi kesan kepadanya. Lalu mereka memberikan tiga dinar.*”

Ibn Hajar tidak bersendirian dalam memperincikan tarikh ini dengan menggunakan riwayat al-Wāqidī. Al-‘Aynī (t.th) dan al-Ṣan’ānī (2012) juga menerima riwayat al-Wāqidī ini.

### 5.3 Perincian Nama

Penulis juga mendapati Ibn Hajar banyak menukilkan riwayat dan pendapat al-Wāqidī dalam perincian nama yang terlibat dalam sesebuah peristiwa kerana perincian al-Wāqidī agak terperinci ketika menghuraikan tentang sesuatu nama. Berikut merupakan contoh-contoh yang ditemui oleh penulis sepanjang analisis terhadap kitab *Fath al-Bārī*. Contoh-contoh tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa aspek:

#### 5.3.1 Nama individu mubham

Nama *mubham* bermaksud sesuatu identiti yang tidak disebutkan namanya secara jelas. Mengetahui nama dalam sesebuah kisah penting kerana ia mungkin memberikan maklumat kelebihan bagi seseorang yang diceritakan dalam matan hadis (Ramle, 2014). Boleh jadi juga ia membantu untuk mengenal pasti seseorang yang dicela sifatnya dalam hadis. Contohnya adalah seperti berikut:

##### i. Nama lelaki Anṣār yang telah membunuh Musaylimah al-Kazzāb

Daripada Ja’far ibn ‘Amrū ibn Umayyah al-Ḍamrī berkata: “*Aku keluar bersama ‘Ubayd Allāh ibn ‘Adiy ibn al-Khiyār... lalu seorang lelaki dari Anṣār memenggal kepalanya dengan pedang.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Al-Wāqidī (1989) menyebutkan bahawa seorang lelaki daripada Anṣār yang disebutkan dalam hadis yang telah membunuh Musaylimah al-Kazzāb adalah ‘Abd Allāh ibn Zayd ibn ‘Āsim al-Māzinī. Di sini Ibn Hajar (2000) mentarjihkan dan menyokong pendapat al-Wāqidī dengan mengatakan: “*Pendapat yang pertama (merujuk kepada pendapat al-Wāqidī) adalah pendapat yang paling masyhur.*” Ini kerana menurut al-‘Aynī (t.th), pandangan al-Wāqidī ini juga dipersetujui oleh Ishāq ibn Rahawayh dan al-Ḥākim. Ia juga dipersetujui oleh Khalifah ibn Khayyāt (1977)

##### ii. Nama seorang lelaki yang tidak diberi makanan oleh Nabi SAW dalam suatu majlis.

Daripada Sa’d RA: “*Rasūl Allāh SAW memberi makan kepada beberapa orang dan pada ketika itu Sa’d sedang duduk. Namun Rasūl Allāh tidak memberi makan kepada salah seorang lelaki yang aku kagumi...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) menukilkan riwayat al-Wāqidī (1989) yang menjelaskan perincian nama lelaki tersebut. Ibn Hajar berkata: “*Lelaki yang tidak diberi makanan oleh Nabi SAW itu adalah Ju’ayl ibn Surāqah al-Ḍamrī.*” Riwayat al-Wāqidī ini juga diterima oleh al-Damāminī (2009) dalam *Maṣābiḥ al-Jāmi’* dan al-‘Aynī (t.th) dalam *Umdat al-Qārī*.

##### iii. Nama orang yang mencela orang-orang mukmin yang bersedekah.

Daripada Abū Mas’ūd RA berkata: “*Ketika ayat tentang sedekah turun, kami membawa wang di atas belakang kami, lalu datanglah seorang lelaki dan bersedekah dengan harta yang banyak. Mereka berkata: Ini adalah orang yang riyak...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) mengambil perincian daripada al-Wāqidī (1989) yang ada menyebutkan tentang nama orang-orang munafik yang mencela tersebut. Ibn Hajar berkata: “*Orang-orang yang mencela itu dijelaskan nama mereka dalam Maghāzī al-Wāqidī iaitu Mu’attab ibn Qushayr dan ‘Abd al-Raḥmān ibn Nabtal.*”

Penulis mendapati terdapat khilaf dalam kalangan ulama tentang kemunafikan Mu’attab ibn Qushayr. Sebahagian ulama membantah al-Wāqidī yang mengatakan Mu’attab adalah munafik. Ibn ‘Abd al-Barr (1992) di dalam *al-Istī’āb*, Abu Nu’aym (1988) di dalam *Ma’rifat al-Ṣahābah* dan Ibn Ḥazm (1900) di dalam *Jawāmi’ al-Sīrah* mengatakan bahawa Mu’attab terlibat dalam peperangan Badr. Ibn Hajar (1994) menjelaskan kekeliruan ini di dalam kitab *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣahābah* dengan mengatakan bahawa terdapat pandangan ulama yang mengatakan beliau telah pun bertaubat.

### 5.3.2 Nama binatang Nabi SAW

#### i. Nama kuda Nabi SAW.

Daripada Zayd ibn Aslam RA daripada ayahnya mendengar daripada ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb RA berkata: “*Aku memberi (seseorang) kuda untuk tujuan berperang di jalan Allah, namun orang tersebut tidak memanfaatkannya sebagaimana sepatutnya. Lalu aku berminat membelinya semula daipadanya kerana aku menganggap membelinya semula adalah sesuatu yang dibolehkan. Aku bertanya tentang perkara ini kepada Nabi SAW, maka baginda SAW bersabda: Janganlah kamu membelinya semula sekalipun orang itu menjualnya dengan satu dirham kerana orang yang mengambil kembali sedekahnya adalah seperti anjing yang menjilat kembali ludahnya.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Riwayat al-Wāqidi daripada Ibn Sa’d (1990) dinukilkan oleh Ibn Hajar (2000) dalam kitabnya *Fath al-Bārī* kerana ia mempunyai perincian tentang nama kuda Nabi SAW. Ibn Hajar berkata: “*Riwayat tentang kuda ini dinukilkan oleh Ibn Sa’d daripada al-Wāqidi dengan sanadnya daripada Sahl ibn Sa’d berkenaan nama kuda Nabi SAW, dia berkata: Tamīm al-Dārī menghadiahkan Nabi SAW seekor kuda yang bernama al-Ward dan ia diberikan kepada Umar lalu Umar memberinya kepada seseorang untuk tujuan berperang di jalan Allah, lalu beliau mendapati ia dijual...*”.

Riwayat al-Wāqidi ini juga bertepatan dan menguatkan riwayat yang ada dalam Sahih Muslim. (Muslim, t.t). Daripada Ibn ‘Umar RA bahawa ‘Umar RA memberikan kepada seseorang seekor kuda untuk digunakan pada jalan Allah, namun ia mendapatinya ia dijual, lalu beliau bertanya kepada Rasūl Allāh SAW tentang perkara itu. Lalu baginda SAW bersabda: “*Janganlah engkau membelinya dan janganlah engkau mengambil kembali apa yang telah engkau hadiahkan.*” Al-‘Aynī (t.th.) turut menerima riwayat al-Wāqidi dalam memperincikan nama kuda ini.

#### ii. Nama unta Nabi SAW.

Daripada Ḥumayd beliau berkata: “*Aku mendengar Anas RA berkata: Unta Nabi SAW diberi nama al-‘Aḍbā’.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) menukilkan riwayat al-Wāqidi (Ibn Sa’d, 1990) yang menjelaskan nama unta secara lebih terperinci dengan berkata: “*Dinamakan al-‘Aḍbā’, al-Qaṣwā’ dan al-Jad’ā’.* Ia diriwayatkan daripada Ibn Sa’d daripada al-Wāqidi.”

### 5.4 Faktor Berlaku Peristiwa

Adakalanya hadis sahih tidak memperincikan faktor berlakunya sesebuah peristiwa. Maka tidak ada jalan lain bagi pengkaji sirah untuk mengetahui faktor tersebut melainkan dengan merujuk kepada riwayat ulama *al-Maghāzī*. Ibn Hajar juga melakukan hal yang sama. Contohnya ialah seperti berikut:

#### i. Faktor berlakunya peperangan Dhāt al-Riqā’.

“*Daripada Šāliḥ ibn Khawwāt daripada orang yang menyaksikan bersama Rasūl Allāh SAW peperangan Dhāt al-Riqā’ solat al-Khawf...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Di sini Ibn Hajar (2000) menukilkan riwayat daripada al-Wāqidi (1989) bagi menjelaskan sebab berlakunya peperangan Dhāt al-Riqā’. Ibn Hajar berkata: “*Al-Wāqidi menyebutkan bahawa sebab berlakunya perang Dhāt al-Riqā’ adalah berpunca dari seorang Badwi yang datang berniaga di Madinah dan berkata: “Sesungguhnya aku melihat ada manusia dari Bani Tha’labah dan juga Bani Anmār sedang berkumpul (untuk memerangi kamu) sedang kamu tidak sedar akan mereka. Lalu Nabi SAW keluar bersama 400 atau 700 orang tentera...*”.

#### ii. Faktor berlakunya peperangan al-Rajī’.

Daripada Abū Hurayrah RA berkata: “*Nabi SAW menghantar suatu pasukan pengintip...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Riwayat al-Bukhārī tidak menjelaskan sebab peperangan ini berlaku. Bahkan al-Wāqidi sahaja yang meriwayatkan faktor berlakunya peperangan ini (al-‘Umarī, 1996). Ibn Hajar (2000) menjelaskan sebab berlakunya peperangan al-Rajī’ dengan menukilkan riwayat al-Wāqidi. (1989). Ibn Hajar menyebut: “*Al-Wāqidi menjelaskan bahawa punca Banī Lihyān keluar menyerang utusan Nabi SAW adalah disebabkan pembunuhan*

*Sufyān ibn Nubayh al-Huzalī...*”. Ibn Hajar turut menjelaskan bahawa pembunuh Sufyān ibn Nubayh al-Huzalī adalah ‘Abd Allāh ibn Unays dan ia turut diriwayatkan dalam *Sunan Abū Dawūd* (Abū Dāwūd, 2009). al-‘Aynī (t.th.) juga menerima riwayat al-Wāqidī ini.

### 5.5 Sebab Penamaan Sesuatu Peristiwa

Ibn Hajar turut menukikan riwayat Al-Wāqidī yang berkaitan dengan sebab penamaan sesuatu peristiwa (Ibn Hajar, 2000). Antaranya adalah berkenaan sebab penamaan Dhāt al-Riqā’.

Daripada Abū Mūsā RA berkata: “*Kami keluar bersama Nabi SAW dalam suatu peperangan. Ketika itu kami berjumlah enam orang dan kami hanya memiliki seekor unta untuk kami naiki secara berganti-ganti. Kaki kami menjadi berdarah dan juga kakiku serta tercabut kuku kakiku. Lalu kami membalut kaki kami dengan perca-perca kain. Lalu dinamakan Dhāt al-Riqā’ kerana kami membalut kaki-kami dengan perca kain.*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) menukikan riwayat Al-Wāqidī (1989) sebagai kepelbagaian pendapat. Ibn Hajar berkata: “*Al-Wāqidī berkata: Ia dinamakan bersempena dengan sebuah bukit yang mempunyai tompokan-tompokan.*” Ibn Hajar juga ada membawa pandangan lain mengenai sebab penamaan *Dhāt al-Riqā’* selain al-Wāqidī (Ibn Hajar, 2000). Antara sebab penamaan lain adalah kerana mereka membaiki bendera mereka dengan perca kain dan juga bersempena sebuah pokok di kawasan itu yang bernama *Dhāt al-Riqā’*.

Pendapat yang lebih tepat adalah seperti yang terdapat dalam hadis sahih iaitu kerana mereka membalut kaki mereka dengan perca kain. Namun al-‘Aynī (1999) dalam *Sharḥ Sunan Abī Dawūd* tidak menolak kemungkinan bahawa semua faktor yang disebutkan adalah sebab penamaan peperangan ini dengan nama Dhāt al-Riqā’.

### 5.6 Perincian Tempat

Begitu juga adakalanya hadis sahih tidak memberikan perincian terhadap sesuatu tempat. Justeru, para ulama memerlukan perincian berkenaan sesuatu tempat dari riwayat-riwayat *al-Maghāzī* (al-‘Umarī, 1994). Selain itu, Ibn Hajar juga dilihat banyak menukikan pendapat dan riwayat dari al-Wāqidī yang berkaitan dengan tempat. Ini barangkali bertitik tolak dari perhatian khusus yang diberikan oleh al-Wāqidī berkaitan geografi sesuatu tempat. Antara perincian tersebut adalah seperti berikut:

i. Tempat Rasūl Allāh SAW dan Abu Bakar keluar dari rumah Abu Bakar.

Daripada ‘Ā’ishah RA berkata: “*...kemudian Rasūl Allāh SAW berjumpa dengan Abū Bakr di sebuah gua di bukit Thawr...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (2000) menukikan riwayat al-Wāqidī (Al-Maqrizī, 1999) dan berkata: “*Al-Wāqidī menyebutkan bahawa mereka berdua (iaitu Rasūl Allāh SAW dan Abū Bakr) keluar dari pintu kecil di belakang rumah Abū Bakr...*” Pandangan ini turut diterima oleh al-‘Aynī (t.th) dan al-Suyūṭī (1998) dalam *al-Tawshīh ‘Alā al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*.

ii. Tempat Qusay ibn Kilāb disemadikan.

Daripada Abū al-Aswad bahawa ‘Abd Allāh mawlā Asmā’ binti Abū Bākr menceritakan kepadanya: “*Bahawa dia telah mendengar Asmā’ berkata ketika beliau melalui kawasan al-Ḥajūn...*” (Al-Bukhārī, 2001).

Di sini Ibn Hajar (2000) menukikan perincian yang ada dalam riwayat al-Wāqidī (Ibn Sa’d, 1990) dan berkata: “*Al-Wāqidī meriwayatkan dari guru-gurunya bahawa Qusay ibn Kilāb setelah meninggal beliau ditanam di al-Ḥajūn lalu selepas itu ramai manusia yang turut ditanam di situ...*”. al-‘Aynī (t.th) juga menerima riwayat al-Wāqidī ini dalam memperincikan lokasi pengkebumian Qusay ibn Kilāb.

## 6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penulis ingin merumuskan dapatan kajian yang berjaya dikenalpasti mengenai metodologi Ibn Hajar dalam berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidī:

- a. Ulama silam berbeza pendapat tentang kedudukan al-Wāqidī dan riwayatnya. Pandangan yang tepat ialah riwayat beliau diterima dengan syarat tidak menyanggahi riwayat lain dan tidak berkaitan dengan akidah dan hukum.

- b. Ibn Hajar mempunyai pandangan yang sama dengan majoriti ulama hadis dalam penerimaan riwayat al-Wāqidi iaitu menerima riwayat al-Wāqidi dengan syarat. Perincian-perincian terhadap riwayat sirah daripada al-Wāqidi diterima oleh Ibn Hajar selagi mana ia tidak bercanggah dengan hadis yang sahih mahupun bercanggah dengan akidah dan juga hukum hakam syarak.
- c. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kecenderungan sebahagian pengkaji yang menolak riwayat beliau secara mutlak adalah menyanggahi metodologi ulama hadis silam.
- d. Kajian menunjukkan bahawa Ibn Hajar secara jelas menggunakan riwayat al-Wāqidi bagi melengkapkan perincian bagi sesuatu kisah. Ia adalah sama ada ia perincian bagi tempoh dan waktu bagi sesuatu peristiwa, bilangan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa, perincian mengenai nama dan juga perincian mengenai sesuatu tempat seperti pelbagai contoh yang dikemukakan oleh penulis.

Oleh itu, ini menjelaskan lagi bahawa antara metodologi para ulama silam dalam menerima dan menggunakan riwayat para ahli sejarah, khususnya dalam memperincikan kisah sirah adalah dengan syarat ia tidak bercanggah dengan riwayat yang lebih sahih serta akidah dan hukum syarak.

## Rujukan

- Abū Dāwūd, S. A. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. S. al-Arnāūt & M. K. Q. Balali (Eds.). Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ilmiyyah.
- Abu Nu‘aym, A. A. A. (1974). *Hilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’*. Mesir: Al-Sa’ādah.
- Abu Nu‘aym, A. A. A. (1998). *Ma’rifat al-Ṣahābah*. Ed.: ‘Ādil ibn Yūsuf al-‘Azāzī. Riyadh, KSA: Dār al-Waṭan li al-Nashr.
- Aḥmad, A. M. (2001). *Musnad al-Imām Ahmad ibn Ḥanbal*. S. al-Arnāūt & ‘Ā. Murshid (Eds.). Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- al-‘Atrūz, A. S. (2016). *al-Wāqidi fī al-Mizān*. Kaherah: Jāmi’ah al-Azhar, Kulliyah Usūl al-Dīn wa al-Da’wah al-Islāmiyyah bi Ṭantā.
- al-‘Aynī, M. A. (t.th) *‘Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-‘Aynī, M. A. (1999). *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. K. I. al-Misrī (Ed.). Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.
- al-Baghdādī, A. A. (2002). *Tārīkh Madīnah al-Salām wa Akhbār Muḥaddithāha wa Dhikr Quṭṭaniha al-‘Ulama’ min Ghayr Ahliha wa Wāridiha*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-‘Umarī, B. M. (1996). *al-Sarāyā wa al-Bu’ūth al-Nabawiyyah Ḥawla al-Madīnah wa Makkah*. Riyadh, KSA: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Balādhurī, A. Y. (1996). *Ansāb al-Asyrāf*. S. Zikār & R. al-Ziriklī (Eds.). Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Bayhaqī, A. H. (1988). *Dalāil al-Nubuwwah wa Ma’rifah Ahwāl Ṣāhib al-Sharī’ah*. ‘A. M. Qal’ajī (Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, M. I. (1982). *al-Tārīkh al-Saghīr*. Lahore, Pakistan: Idarat Tarjaman al-Sunnah.
- al-Bukhārī, M. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- al-Damāminī, M. A. B. (2009). *Maṣābīḥ al-Jāmi’*. N. Ṭalīb (Ed.). Syria: Dār al-Nawādir.
- al-Dāraqūṭnī, A. U. (1985). *al-‘Ilal al-Wāridah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah*. M. R. Z. al-Salafī (Ed.). Riyadh, KSA: Dār Ṭaybah.
- al-Dhababī, M. A. (1953). *Mizān al-‘Iṭidāl fī Naqd al-Rijāl*. Mesir: Matba’at ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Dhababī, M. A. (1956). *Tadhkirat al-Huffāz*. Ḥaydar Abād: Dāirat al-Ma’ārif al-Islāmiyyah.
- al-Dhababī, M. A. (1971). *al-Mughnī fī al-Ḍu‘afā’ wa al-Matrūkīn*. Syria: Dār al-Ma’ārif.
- al-Dhababī, M. A. (1985). *Siyar A’lām al-Nubalā’*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ḥuṣam al-Dīn, A. A. M. (1984). *Mir’āt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Nāris, India: Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Da’wah wa al-Ifṭā’, al-Jāmi’ah al-Salafīyyah.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Y. A. A. (1992). *al-Isṭī‘āb fī Ma’rifah al-Aṣḥāb*. ‘A. M. al-Bajāwī (Ed.). Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn Abī Ḥātim, A. R. M. (1952). *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Abī Ḥātim, A. R. M. (1977). *al-Marāsīl*. S. N. Qūjānī (Ed.). Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Kathīr, I. U. (1997). *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. A. A. M. al-Turki (Ed.) Kaherah: Dār Hajar li al-Ṭiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī’ wa al-‘Iṭlām.
- Ibn Khayyāt, K. K. (1977). *Tārīkh Khalīfah ibn Khayyāt*. A. Ḍ. al-‘Umarī (Ed.). Beirut: Dār al-Qalam.
- Ibn Hajar, A. A. (1995). *al-Talkhiṣ al-Ḥabīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’iy al-Kabīr*. Mesir: Mu’assasah Qurṭubah.



- Ibn Hajar, A. A. (2000). *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukharī*. Riyadh, KSA: Dār al-Salām.
- Ibn Hajar, A. A. (2002). *Taqrīb al-Tahdhīb*. Riyadh, KSA: Dār al-‘Āsimah.
- Ibn Hajar, A. A. (1994). *al-Iṣābah fī Tamyiz al-Ṣaḥābah*. Ā. A. Abd al-Mawjūd & ‘A. M. Mi’wad (Eds.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥazm, A. A. (1900). *Jawāmi’ al-Sīrah wa Khamsa Rasāila Ukhra li Ibn Ḥazm*. I. ‘Abbās (Ed.). Mesir: Dār al-Ma’arif.
- Ibn al-‘Irāqī, A. A. R. (t.th). *Tuḥfat al-Taḥṣīl fī Dhikr Ruwāt al-Marāsīl*. ‘A. Nawārah (Ed.). Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Manzūr, M. M. (1993). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn al-Nadīm, M. I. (1997). *al-Fihrist*. I. Ramaḍān (Ed.). Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Z. D. A. (1996). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. M. Sha’bān, M. ‘Abd al-Khāliq, I. Ismā’īl al-Qāḍī (Eds.). Madinah, KSA: Maktabah al-Ghurabā’ al-Athariyyah.
- Ibn Sa’d, M. S. (1990). *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. M. ‘A. Q. ‘Atā (Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Sa’d, M. S. (1988). *al-Ṭabaqāt al-Kubrā al-Qism al-Mutammim li Tabi’ī ahl al-Madīnah wa man Ba’dahum*. Z. M. Maṣṣūr (Ed.). Madinah, KSA: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- Ibn Taymiyyah, A. A. H. (1983). *al-Ṣārim al-Maslūl ‘alā Ṣhātīm al-Rasūl*. M. M. ‘Abd al-Hamīd (Ed.). t.tp.: al-Hirs al-Waṭanī al-Su’ūdī.
- Ibn Taymiyyah, A. A. H. (1995). *Majmū’ al-Fatāwā*. ‘A. R. M. Qāsim (Ed.). Madinah, KSA: Majma’ al-Malik Fahd li Ṭibā’ah al-Muṣḥaf al-Sharīf.
- al-Maqrīzī, A. A. (1999). *Imtā’ al-Asmā’ bimā li al-Nabī min al-Aḥwāl wa al-Amwāl wa al-Ḥafadah wa al-Matā’*. M. ‘A. H. al-Namīsī (Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Mizzī, Y. A. R. (1980). *Tahzīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*. B. A. Ma’rūf (Ed.). Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Muslim, M. H. (t.th) *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ilā Rasūl Allāh SAW (Ṣaḥīḥ Muslim)*. M. F. ‘Abd al-Bāqī (Ed.). Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Qastallānī, A. M. (1905). *Irshād al-Sāri li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Al-Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- Ramle, M. R. (2014). *al-Manhaj al-Naqdī Li Riwayāt al-Maghāzī wa al-Siyar: Dirāsah Tatbiqiyyah ‘Alā Kitāb Zād al-Ma’ād Fī Hady Khayr al-‘Ibād*. Amman, Jordan: University of Jordan.
- Ramle, M. R. (2017). قواعد إثبات الحقائق التاريخية في السيرة النبوية دراسة تحليلية *HADIS*, 7(13), 121-139. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/38>.
- Sa’id Ḥawwā. (1995). *al-Asās fī al-Sunnah wa Fiqhīhā – Al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Riyadh, KSA: Dār al-Salām li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamah.
- al-Salūmī, S. N. (2004) *al-Wāqidi wa Kitābuhu al-Maghāzī Manhajuhu wa Maṣādiruhu*. Madinah, KSA: Al-Jāmi’ah al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah.
- al-Ṣāliḥī al-Shāmī, M. Y. (1993). *Subul al-Hudā wa al-Rashād fī Sirah Khayr al-‘Ibād, wa Dhikr Faḍālihi wa A’lām Nubuwwatihi wa Af’ālihi wa Aḥwālihi fī al-Mabda’ wa al-Ma’ād*. ‘Ā. A. ‘Abd al-Mawjūd & A. M. Mi’wad (Eds.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-San’ānī, M. I. (2012). *al-Taḥbīr Li Iḍāḥ Ma’nā al-Taysīr*. M. Ṣ. Ḥasan Ḥallāq (Ed.). Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.
- Sultān al-‘Akāyilah, S. S. (2013). حال الواقدي والمأخذ عليه في ضوء أقوال النقاد فيه. *al-Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 9 (3), 345-367.
- al-Suyūṭī, A. R. A. (1998). *al-Tawshīh Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. R. J. Riḍwān (Ed.). Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.
- al-‘Umarī, A. D. (t.th). *Marwiyyāt al-Sīrah al-Nabawiyyah bayna Qawāid al-Muhaddithīn wa riwāyat al-Akhbāriyyīn*. Madīnah, KSA: Mujamma’ al-Malik Fahd.
- al-Wāqidi, M. U. (1989). *al-Maghāzī*. M. Jones (Ed.). Beirut: Dar al-‘A’lami.
- Yāqūt al-Ḥamawī, Y. A. (1993). *Mu’jam al-Udabā’ (Irsyād al-Arīb ilā Ma’rifah al-Adīb)*. I. ‘Abbās (Ed.). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.